

Pengundi Cina kesal tidak mengundi Saifuddin di Temerloh
Malaysian Insider
July 24 , 2013
OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA

Bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (gambar) tewas di kerusi parlimen Temerloh akibat perubahan pengundi Cina yang termakan pujukan anak mereka untuk menuntut perubahan dalam pentadbiran kerajaan.

Pengarah Pusat Demokrasi dan Pilihanraya Universti Malaya (UMcedel), Datuk Mohammad Redzuan Othman, berkata masyarakat Cina beranggapan bahawa Pakatan Rakyat (PR) akan menawan Putrajaya.

"Pengundi diyakinkan dengan slogan Ubah dan itu sebabnya mereka mengundi calon PAS.

"Ada juga yang kata, mereka perlu mengikut apa yang anak mereka mahu," katanya di sidang akhbar untuk mendedahkan hasil kajian UMcedel di parlimen itu.

Beliau berkata, kerusi itu pada dasarnya adalah kawasan selamat untuk Barisan Nasional kerana ia merangkumi dua kawasan penempatan Felda dan kem tentera.

"Saifuddin tidak sepatutnya kalah di situ," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ramai pengundi menyesal kerana tidak mengundi Saifuddin selepas BN kembali ke tampuk kuasa.

Saifuddin berjaya menerima 27,197 undi sementara calon PAS, Nasaruddin Hassan Tantawi menang dengan undi 28,267 undi.

Beliau berkata, pengundi muda, kebanyakannya yang tinggal di luar daerah pulang untuk membuang undi memilih Nasaruddin yang memperolehi 1,070 majoriti.

Pembangkang juga memenangi dua daripada tiga kerusi di kawasan parlimen itu.

Jumlah pengundi yang ditemubual untuk kajian selama tiga hari bermula 31 Mei itu ialah seramai 850 responden.

Redzuan berkata, Temerloh dipilih sebagai kawasan kajian kerana kerusi itu merangkumi pengundi pelbagai kaum iaitu 64 peratus pengundi Melayu; Cina (24 peratus), India (9 peratus) dan lain-lain (3 peratus).

Katanya, menerusi temubual itu, kajian mendapati penerimaan masyarakat terhadap Saifuddin adalah lebih baik kerana kira-kira 60 peratus pengundi sebenarnya tidak mengenali calon PAS berbanding Saifuddin yang juga ahli majlis tertinggi Umno itu.

"Mereka juga bukan menyokong Saifuddin kerana parti yang diwakilinya iaitu Umno," katanya.

Saifuddin yang turut hadir di seminar itu, berkata kira-kira 7,000 pengundi dari luar pulang ke kampung halaman di Temerloh untuk mengundi dan keadaan itu menyumbang kepada kekalahannya.

"Kajian itu agak terperinci dan saya menerima hasil dapatannya," katanya kepada pemberita.

Katanya, beliau ada bercakap dengan masyarakat Cina akar umbi dan pemimpin persatuan untuk lebih memahami mengapa pengundi beralih arah.

"Saya membuat kesimpulan, ia adalah faktor 4C iaitu corruption (rasuah), cronysism (kronisme), crime (jenayah) dan cost (kos) kehidupan yang menyumbang kepada kekalahan saya," katanya.

Beliau berkata, BN perlu merangka strategi untuk mendapatkan semula sokongan masyarakat Cina dan ini akan dibincangkan di bengkel BN yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Masyarakat Cina tidak terlalu meminta-minta, tetapi mereka hanya mengharapkan pentadbiran yang baik. Jika kita buat dengan betul, maka tidak ada masalah untuk mendapatkan semula sokongan komuniti itu," katanya.

Beliau berpendapat BN perlu mempunyai parti tunggal berbilang bangsa yang kuat dan perlu ada peruntukan yang membenarkan keahlian langsung ke dalam pakatan.

Saifuddin berkata, budaya politik semasa yang berpaksikan kepada bangsa dan agama juga patut berubah. - 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengundi-cina-kesal-tidak-mengundi-saifuddin-di-temerloh>